



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN KEDUA 2025

Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh pada suku kedua 2025, disokong oleh peningkatan berterusan penduduk bekerja mencapai 16.85 juta orang dan kadar pengisian jawatan 97.9 peratus.

PUTRAJAYA, 22 OGOS 2025 – Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh pada suku kedua 2025, disokong oleh peningkatan berterusan penduduk bekerja mencapai 16.85 juta orang dan kadar pengisian jawatan 97.9 peratus. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini menerbitkan **Sorotan Pasaran Buruh, Suku Tahun Kedua 2025 (LMR ST2 2025)** yang menghimpunkan statistik buruh suku tahunan serta menyediakan analisis mendalam mengenai trend pasaran buruh Malaysia. Edisi kali ini turut menampilkan artikel khas bertajuk Tinjauan Produktiviti Pelbagai Faktor (MFP) di Malaysia: Trend dan Cabaran.

Prestasi ekonomi Malaysia kekal stabil dengan kadar pertumbuhan 4.4 peratus tahun ke tahun pada suku kedua 2025 disokong oleh pasaran buruh yang berdaya tahan, pewujudan jawatan yang berterusan, penyertaan tenaga buruh yang tinggi serta permintaan yang lebih kukuh terhadap barangan elektrik dan elektronik, di samping aktiviti pelancongan yang semakin rancak. Walau bagaimanapun, prospek masih kabur oleh tarif Trump yang baharu dikenakan, termasuk levi 19 peratus ke atas eksport tertentu dan potensi tarif 100 peratus ke atas semikonduktor, yang menimbulkan risiko penurunan yang ketara kepada perdagangan luar. Walaupun menghadapi halangan global, asas ekonomi Malaysia yang pelbagai, aktiviti pelaburan yang berterusan dan keyakinan pengguna yang stabil membolehkannya mengekalkan pertumbuhan dan meletakkan kedudukan yang baik untuk suku tersebut.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi suku tahun kedua 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, menyatakan bahawa pasaran buruh kekal kukuh, disokong oleh peningkatan berterusan dalam penduduk bekerja dan penurunan pengangguran. Tenaga buruh berkembang sebanyak 457.0 ribu orang kepada 17.37 juta orang (ST2 2024: 16.91 juta orang),

didorong oleh peningkatan 2.9 peratus tahun ke tahun penduduk bekerja kepada 16.85 juta orang. Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sedikit kepada 70.8 peratus (ST2 2024: 70.7%), manakala bilangan penganggur berkurang kepada 520.9 ribu orang dan kadar pengangguran 3.0 peratus, turun 0.2 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

Melihat kepada situasi guna tenaga tidak penuh, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa "Pertumbuhan berterusan dalam penduduk bekerja pada ST2 2025 membawa kepada penurunan 10.7 peratus tahun ke tahun dalam penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu, berjumlah 241.0 ribu orang. Sehubungan itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun sebanyak 10.4 peratus kepada 141.0 ribu orang, bersamaan kadar 0.8 peratus. Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, iaitu mereka yang berpendidikan tertiar tetapi bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah mencatatkan 1.96 juta orang berbanding 1.92 juta orang pada ST2 2024. Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mencatatkan penurunan kepada 35.6 peratus (ST2 2024: 36.2%)."

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, sektor ekonomi mengekalkan momentum pertumbuhannya pada suku kedua 2025, disertai dengan permintaan buruh yang lebih tinggi. Jumlah jawatan meningkat kepada 9.10 juta jawatan, iaitu paras tertinggi sejak suku pertama 2022, dengan pertumbuhan 1.6 peratus tahun ke tahun (+142.3 ribu jawatan) berbanding 8.96 juta jawatan pada suku yang sama 2024. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97.9 peratus atau 8.90 juta jawatan diisi, manakala kadar kekosongan kekal pada 2.1 peratus bersamaan 194.9 ribu kekosongan. Tambahan lagi, pewujudan jawatan meningkat sebanyak 0.2 peratus tahun ke tahun, dengan 31.9 ribu jawatan baharu dicatatkan pada ST2 2025."

Dari segi produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja meningkat 2.8 peratus tahun ke tahun kepada RM24,887 per pekerja pada suku kedua 2025 (ST2 2024: RM24,210). Pada masa yang sama, produktiviti buruh per jam bekerja juga mencatatkan peningkatan sebanyak 3.4 peratus tahun ke tahun kepada RM43.2 per jam (ST2 2024: RM41.8).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengakhiri kenyataan siaran hari ini dengan menyatakan, "Malaysia terus menunjukkan daya ketahanan dengan mengekalkan pertumbuhan ekonomi meskipun berdepan cabaran global, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 2.75 peratus baru-baru ini, buat pertama kali dalam tempoh lima tahun, bertujuan mengurangkan kesan kelembapan global di samping melindungi perbelanjaan isi rumah. Pada masa yang sama, pelaksanaan reformasi jangka panjang, termasuk peluasan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), pemerkasaan program peningkatan kemahiran, pemecutan peralihan hijau, transformasi digital

yang lebih inklusif, dan pengukuhan kepelbagaian perdagangan, dijangka memperkukuh daya saing negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, berdaya tahan dan mampan. Kejayaan penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 pada bulan Mei 2025 turut mengangkat kedudukan Malaysia di peringkat global dan dijangka menyumbang kepada pertumbuhan jangka panjang menerusi kerjasama antarabangsa yang lebih erat.”

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema ‘Statistik Nadi Kehidupan’. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema ‘*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*’.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 OGOS 2025